



KENYATAAN MEDIA

LEBIH 10,000 PELUANG PEKERJAAN DITAWARKAN DI KARNIVAL PENJANA KERJAYA KEBANGSAAN 2021 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KUALA LUMPUR – Sebagai kesinambungan kejayaan inisiatif Penjana Kerjaya terutamanya Program Pengambilan Pekerja sepanjang tahun 2020, Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi agensinya, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sekali lagi menganjurkan Karnival Penjana Kerjaya Kebangsaan 2021 Kementerian Sumber Manusia.

Sejak pendaftaran bagi sesi temu duga terbuka dibuka kepada orang ramai pada 18 Februari lalu, sambutan yang diterima amat menggalakkan. Sehingga **23 Februari 2021**, seramai **12,303 peserta telah membuat pendaftaran awal** secara dalam talian. Daripada jumlah tersebut, 3,701 adalah graduan baharu, 5,427 individu tidak bekerja manakala 110 calon daripada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Majoriti peserta yang mendaftar adalah belia dalam kumpulan umur antara **22 hingga 25 tahun** iaitu seramai 4,585 orang.

Karnival Penjana Kerjaya Kebangsaan 2021 Kementerian Sumber Manusia membuka tirainya semalam dengan Siri Webinar Kerjaya selama sehari. Program ini disusuli dengan sesi temu duga secara maya selama tiga hari bermula hari ini sehingga 26 Februari 2021.

Secara keseluruhannya, sesi temu duga terbuka ini disertai oleh **78 majikan** daripada pelbagai industri yang menawarkan **10,802 kekosongan jawatan**.

Peluang pekerjaan yang terbanyak ditawarkan oleh sektor pemborongan dan peruncitan dengan kekosongan jawatan tertinggi iaitu 3,010 jawatan, diikuti oleh sektor pembuatan

dengan 2,438 jawatan, sektor perkhidmatan lain dengan 2,286 jawatan dan sektor kesihatan awam dan sosial dengan 1,046 jawatan. Peluang pekerjaan yang ditawarkan ini meliputi **3,492 jawatan eksekutif** dan **6,910 jawatan bukan eksekutif**. Selain itu, sebanyak **1,896 jawatan kosong juga disediakan buat golongan OKU**.

Antara jawatan yang ditawarkan oleh majikan yang menyertai program ini adalah jurutera, pengurus jualan, peguam, juruteknik, eksekutif pemasaran, penyelia perusahaan, pembantu audit dan tukang masak. Majikan yang menawarkan peluang-peluang pekerjaan ini adalah daripada sektor awam dan swasta termasuklah Kementerian Kesihatan Malaysia, Lembaga Zakat Malaysia, Air Selangor, ExxonMobil, CIMB Bank Berhad, Genting Malaysia, Top Glove dan sebagainya.

PERKESO menyeru rakyat Malaysia yang sedang mencari pekerjaan atau meneroka peluang-peluang pekerjaan lain untuk menyertai Karnival PenjanaKerjaya Kebangsaan 2021 Kementerian Sumber Manusia dengan mendaftar di <http://careerfair.perkeso.gov.my>. Pencari kerja juga diminta segera mendaftar di **Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara, MYFutureJobs** di pautan <https://www.myfuturejobs.gov.my> di mana terdapat lebih daripada **150,000 kekosongan jawatan aktif** untuk dipohon, selain daripada menerima bantuan padanan carian pekerjaan.

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

24 Februari 2021